

UNIT 7 SIAPAKAH LEBIH HEBAT

NAMA :

KELAS :

Nyatakan jenis tekanan sama ada TEKANAN POSITIF atau TEKANAN NEGATIF berdasarkan situasi berikut.

Harlina berasa tertekan kerana Faizah yang salah faham telah bermasam muka dengannya selepas dia menasihati rakan-rakannya itu agar tidak meniru kerja sekolah rakan. Dia juga perlu rajin mengulang kaji pelajaran kerana peperiksaan UPSR tidak lama lagi.	Badri berasa seolah-olah dirinya dipinggirkan oleh rakan-rakan sebaya di sekolah baharu sehingga dia sukar untuk menumpukan perhatian terhadap pelajaran. Tetapi, dia mula sedar bahawa dialah yang harus bertegur sapa dengan rakan-rakan di kelasnya terlebih dahulu.
Idzam berasa tidak senang hati apabila rakan baiknya sering mendapat markah yang cemerlang dalam mata pelajaran Sains. Sejak itu dia sentiasa membuat latihan serta menghadiri kelas tambahan dan keputusan ujian Sainsnya menampakkan peningkatan yang baik.	Marina tidak suka dipandang rendah oleh rakan-rakan dalam semua perkara terutama yang berkaitan dengan telefon bimbit serta pakaian dan kasut. Dia sering memaksa ibu bapanya membelikannya barangan berjenama jika ada rakan-rakannya memakai barang berjenama.